

# Pemandu teksi didakwa perogol bersiri

KOSMO 22/06/2010 MS1

## Uncle Chin hadapi sembilan pertuduhan jenayah seksual terhadap gadis bawah umur


SIAPA sangka seorang pemandu teksi separuh umur yang dipanggil Uncle di kalangan para penumpang rupa-rupanya mempunyai sisi kehidupan gelap sebagai lelaki yang disyaki perogol bersiri.

Chin Hock Nam, 54, semalam didakwa di empat buah mahkamah di Ampang bagi menghadapi sembilan pertuduhan iaitu merogol, cubaan merogol dan cabul membabitkan lima orang gadis berusia 15 dan 17 tahun yang pernah menjadi penumpangnya.

Semua kejadian keji itu didakwa berlaku di rumah Hock Nam di Taman Lembah Maju, Ampang dekat Kuala Lumpur.

Dia didakwa memerangkap mangsa dengan membawa gadis-gadis sunti ke rumah bujangnya atas alasan mengambil barang yang tertinggal sebelum memujuk mereka masuk ke rumah dan merogol mereka.

BERITA DI MUKA 3



KUALA LUMPUR dianggarkan mempunyai 31,000 buah teksi yang memberi khidmat kepada warga kota. - Gambar hiasan

CHIN HOCK NAM selepas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ampang semalam.

# Uncle Chin didakwa per

Kosmo 22/06/10

Oleh FIRDAUS HASSAN

firdaus.hassan@kosmo.com.my

**AMPANG JAYA** - Usia yang menjangkau separuh abad tidak menghalang seorang pemandu teksi yang dipanggil Uncle Chin untuk mengambil kesempatan terhadap gadis-gadis sunti yang menaiki teksinya. Mereka didakwa dijadikan pemuas nafsunya.

Namun, perbuatan terketuk yang didakwa dilakukan dua tahun itu berakhir dengan tertangkapnya Chin Hock Nam, 54, pada 21 Jun lalu.

Tertuduh yang masih bujang dibawa ke Mahkamah Sesyen di sini semalam bagi menghadapi sembilan pertuduhan iaitu merogol, cubaan merogol dan mencabul lima gadis bawah umur sejak Oktober 2008 hingga Mei tahun ini.

Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap dua pertuduhan rogol dan satu cubaan rogol yang dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Roszianayati Ahmad dan Hakim Azwarnida Affandi.

Hock Nam yang tidak fasih berbahasa Melayu turut memohon seorang penterjemah berbahasa Mandarin bagi membantunya memahami pertuduhan.

"Saya tidak meminta peguam untuk mewakili saya, saya tahu saya ada membuat salah dan hanya meminta seorang penterjemah untuk menerangkan kepada saya.

"Saya tidak faham ini *law* (undang-undang) Yang Arif, jadi saya minta maaf," katanya tenang selepas pertuduhan dibacakan.

Tertuduh didakwa merogol dua orang gadis bawah umur, masing-masing berusia 15 tahun 11 bulan dan 15 tahun 7 bulan, tanpa kerelaan mereka pada pukul 1 petang, 24 Mei dan 27 Mei tahun ini.

Dia didakwa melakukan kesalahan tersebut dalam sebuah bilik di rumahnya yang beralamat No. 28/2R, Jalan Maju 1/14, Taman Lembah Maju di sini dan didakwa di bawah Seksyen 376(2) (d) Kanun Keseksaan (Akta 574).

Hock Nam juga didakwa telah cuba merogol seorang gadis berumur 15 tahun 4 bulan pada pukul 1.30 petang pada bulan Ogos tahun lalu di alamat sama dan didakwa di bawah Seksyen 376(2) (d)/ 511 Kanun Keseksaan (Akta 574).

Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dihukum penjara tidak lebih 30 tahun dan juga sebatan.

Pendakwaan kes itu dilakukan oleh pegawai pendakwa polis, Asisten Suprintendan Dr. Vasu Appu.

Kedua-dua hakim menetapkan 16 Ogos depan sebagai tarikh perbicaraan.

Sementara itu, di Mahkamah Majis-



**CHIN HOCK NAM** (kanan) dibawa ke Mahkamah Sesyen Ampang semalam untuk menghadapi sembilan pertuduhan jenayah seksual.



Pemandu teksi dibebaskan kes rogol direman kes cabul

**KERATAN Kosmo!** 15 Jun 2010.

tret pula, tertuduh turut didakwa dengan enam pertuduhan lain iaitu telah menggunakan kekerasan jenayah dengan niat hendak mencabul terhadap dua mangsa sejak Oktober 2008 hingga Ogos tahun lalu.

Dia mengaku tidak bersalah terhadap kesemua pertuduhan tersebut yang dibacakan secara berasingan di hadapan Majistret Aida Mastura Mohamed Aman dan Majistret Wan Karimah Wan Md. Ab. Ghani.

Bagi kesemua pertuduhan tersebut dia didakwa melakukan kesalahan itu di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan (Akta 574). Jika sabit kesalahan Hock Nam boleh dihukum di bawah seksyen yang sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau hukuman sebat.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Polis, Noor Husnita Mohd. Radzi. Majistret Aida Mastura dan Wan Karimah masing-masing menetapkan 12 dan 23 Julai ini untuk perbicaraan.

Tertuduh tidak dibenarkan untuk di-

**Saya tidak faham ini *law* Yang Arif, jadi saya minta maaf**

**CHIN HOCK NAM**

ikat jamin bagi semua kesalahan.

Akhbar sebelum ini menyiarkan kisah seorang pemandu teksi yang gemar mencari mangsa di kalangan penumpang remaja bawah umur untuk dijadikan pemuas nafsu.

Mangsa rogol atau cabul suspek biasanya dibawa ke rumahnya selepas tertuduh memberi alasan mahu mengambil barang yang tertinggal di rumah.

Sampai di hadapan rumah, tertuduh akan memujuk mangsa supaya masuk ke rumah sebelum mangsa-mangsa dirogol atau dicabul.

Suspek didakwa turut merakam aksi jenayah seks yang dilakukan terhadap mangsa bagi mengugut mangsa mengulangi perbuatan keji itu.

Di ibu kota Kuala Lumpur terdapat kira-kira 31,000 pemandu teksi dan purata setiap pemandu membawa 30 orang penumpang setiap hari.

# rogol bersiri

2010 M/S 3

## Info Pertuduhan seksual Chin Hock Nam

- Didakwa cuba merogol seorang remaja perempuan berumur 15 tahun pada Ogos 2009.
- Didakwa merogol seorang remaja perempuan berumur 15 tahun pada 24 Mei 2010.
- Didakwa merogol seorang remaja perempuan berumur 15 tahun pada 27 Mei 2010.
- Dua pertuduhan mencabul seorang gadis berumur 17 tahun pada Februari dan Ogos 2009.
- Empat pertuduhan mencabul gadis berusia 17 tahun pada Oktober hingga November 2008, Mac 2009, April 2009 dan Mei 2009.